

# Tun Mahathir tegur usah berebut jadi calon PM

**PETALING JAYA:** Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad menegur pihak yang berebut mahu dinamakan sebagai calon Perdana Menteri, sedangkan parti yang diwakili belum tentu mampu mencapai kemenangan dalam pilihan raya.

Negarawan itu berkata, lebih penting ketika ini adalah usaha menyatukan orang Melayu kerana hanya dengan perpaduan kemenangan boleh dicapai.

“Tak usahlah berebut-rebut nak jadi calon Perdana Menteri. Sebaliknya berusaha untuk Melayu bersatu. Hanya jika Melayu bersatu sahaja baharulah kemenangan boleh dicapai.

“Setelah menang barulah pilihan Perdana Menteri dibuat. Semua yang berbakat boleh bertanding untuk jadi Perdana Menteri” katanya.

Sebelum ini, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) menamakan Presidennya, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai calon Perdana Menteri pada Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) ketika Perhimpunan Agung Tahunan (PAT) Kelapan.

Kemudian, Dewan Pemuda

Pas pula membawa usul supaya calon Perdana Menteri datang daripada parti itu ketika Muk-tamar Tahunan Pas Ke-71 di Kompleks Pas Kedah.

Bersatu melihat Muhyiddin sebagai figura berpengalaman, berkarisma dan pernah menggalas jawatan tersebut manakala Pemuda Pas menyatakan sokongan penuh bahawa calon Perdana Menteri daripada parti itu hendaklah berusia bawah 70 tahun.

Isnin lalu, Presiden Pas, Tan Sri Abdul Hadi Awang menolak untuk menjadi calon Perdana Menteri kerana faktor usia dan kesihatan.

Abdul Hadi berkata, Pas tetap bersedia memimpin negara dengan syarat parti itu terlebih dahulu berjaya memenangi pilihan raya.

Dr. Mahathir berkata, beliau tidak memahami mengapa ramai yang berebut, sedangkan tanpa kemenangan besar di Parlimen, hasrat itu tidak akan tercapai.

“Calon tidak akan jadi Perdana Menteri jika partinya tidak menang 112 kerusi. Untuk menang 112 kerusi, partinya perlu letak lebih 112 calon,” katanya.